

Samy Vellu enggan layan Soi Lek

UM - 7/3/2007

SEREMBAN 6 Mac - "Lebih baik saya jangan cakap apa-apa. Kasi dia orang cakap... kita salahlah, JKR (Jabatan Kerja Raya) salah, kontraktor salah, sub-kontraktor salah. Orang yang bagi tanah pun salah... semua salah... Kementerian Kesihatan saja yang betul. Bagi dia cakap apa dia suka... terima kasih."

Itulah reaksi Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu ketika ditanya mengenai kenyataan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek bahawa kelewatan projek Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di Kedah, berpunca daripada kontraktor yang sering bertukar dan bukannya kerena kementerian itu.

Soi Lek juga menyatakan kekesalannya dengan pelbagai tuduhan yang dilemparkan kepada kementeriannya termasuk oleh Kementerian Kerja Raya yang mempertahankan kontraktor terbabit.

Samy Vellu ditemui selepas melancarkan sistem tenaga Outlet Eubiq dan GSS, sistem pertama di dunia yang dicipta oleh syarikat tempatan, di sini hari ini.

Sistem itu mampu menyelesaikan masalah wayar kelengkapan elektrik yang berselirat menerusi penggunaan satu adaptor yang unik dan mempunyai tahap keselamatan tinggi.

Kelmarin, Samy Vellu dilaporkan berkata, lanjutan tempoh menyiapkan HSB, yang sepatutnya siap pada 2003, sebanyak lima kali bukan kehendak kontraktor tetapi Kementerian Kesihatan.

Hospital kontroversi bernilai RM500 juta itu pada masa ini sudah 99.75 peratus siap dan dijangka diserahkan kepada Kementerian Kesihatan pada 15 Mac ini.

Mengenai penangguhan kutipan tol Sungai Nyior, iaitu sebahagian daripada projek Jalan Lingkaran Luar Butterworth (BORR), Samy Vellu berkata, pihaknya menjangkakan masalah itu akan dapat diputuskan dalam masa sebulan.

"Kita telah mengadakan dua pertemuan dan perbincangan dengan pemilik konsesi itu dan kita akan mengadakan

kan satu lagi pertemuan dalam masa terdekat sebelum mengemukakan hasilnya untuk pertimbangan Kabinet," katanya.

Tambah beliau, penangguhan kutipan itu adalah bantahan penduduk yang mendakwa laluan itu tidak wajar dikenakan tol kerana ia adalah jalan lama.

Sebenarnya, kata beliau, laluan itu adalah sebahagian daripada projek Jalan Lingkaran Luar Butterworth (BORR) tetapi tidak dikenakan tol sebelum ini kerana keseluruhan projek itu belum siap sepenuhnya.



S. SAMY VELLU



CHUA SOI LEK